

TARIKH	27 / 09 / 2012	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	13	RUANGAN	Nasional

15,189 jemaah diutamakan

Seramai 15,189 jemaah berusia lebih 75 tahun yang sudah mendaftar akan diberi keutamaan dan keistimewaan untuk dipilih menunaikan haji, termasuk dalam kes rayuan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Jamil Khir Baharom, berkata jumlah itu daripada keseluruhan 999,070 jemaah yang menunggu giliran untuk menunaikan haji dengan Tabung Haji.

"Kaedah pemilihan jemaah haji setiap tahun dibuat kepada mereka yang paling lama serta paling terdahulu mendaftar dan ini bermakna yang dahulu didahulukan," katanya.